

07/02/1997

Kerahan tenaga biar menyeluruh

MASALAH sosial remaja tetap berlaku dalam mana-mana sistem kerajaan. Apa yang boleh dilakukan hanyalah mengurangkan kadar kemudaratan gejala itu pada tahap paling minimum. Kita tidak boleh terus-menerus menyalahkan Barat apabila remaja kita kian parah dicemari noda dan dosa. Walaupun bentuk budaya yang terbit di Barat paling kuat pengaruhnya, kita sepatutnya mempunyai kekuatan diri untuk menepis segala pancaroba. Kita tahu apa yang berlaku di Barat tidak semestinya sesuai bagi masyarakat kita, melainkan kita jahil erti budaya.

Nampaknya kerajaan sudah melihat formula yang sesuai bagi mengatasi masalah remaja. Sekiranya dipersetujui, lepasan sekolah akan menyertai program Kerahan Tenaga sebagaimana dilaksanakan di beberapa negara lain. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, berkata kerajaan menimbang cadangan itu dalam usaha mengurangkan gejala sosial khususnya di kalangan belia Melayu. Kita berpendapat program ini tidak menimbulkan masalah kepada lepasan sekolah jika ia dijalankan selepas mereka selesai menjalani peperiksaan. Daripada tidak melakukan apa-apa yang berfaedah lebih baik menganggotai kerahan tenaga ini.

Cuma, masalah yang mungkin timbul ialah kerahan tenaga ini mungkin tidak menyeluruh untuk membabitkan semua remaja. Pasti ada pihak yang cuba mengelak daripada menyertai program ini. Oleh itu, satu mekanisme baru perlu difikirkan untuk memastikan setiap remaja dengan sukarela menyertai program ini. Buat permulaan, program ini perlu dimulai dengan remaja yang bermasalah.

Walaupun sebelum ini kerajaan tidak begitu berminat dengan program kerahan tenaga ini, kita rasa alasan kali ini agak kuat. Kita bukan saja menyokong cadangan itu, malah jika kerajaan melaksanakannya kita mencadangkan supaya ia dijadikan peraturan wajib, bukan sekadar kepada lepasan sekolah semata-mata. Ia perlu merangkumi semua remaja sama ada lelaki atau wanita, apabila mereka mencapai umur 18 tahun. Mereka mesti menyertai program ini tanpa pengecualian. Selepas tamat, mereka perlu diberi sijil khas sebagai bukti pernah berkhidmat dalam kerahan tenaga. Sijil penyertaan ini perlu dijadikan salah satu syarat untuk membolehkan mereka menjawat sebarang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta. Bagi mereka yang bekerja sendiri, sijil itu juga dijadikan salah satu syarat wajib untuk mendapatkan sebarang lesen atau permit perniagaan.

Jika kita sayangkan remaja dan negara kita, langkah kerajaan ini tidak perlu dijadikan isu oleh mana-mana pihak. Kita tidak nampak sebarang masalah besar untuk melaksanakan program ini kerana matlamat kita jelas iaitu untuk mengatasi gejala sosial. Ia tidak ada kaitan dengan masalah politik atau keselamatan. Ia hanya akan menjadi masalah keselamatan jika masalah remaja ini tidak dibendung mulai sekarang.

Kita percaya persoalan yang timbul ialah apakah yang akan dilakukan oleh remaja ini ketika menyertai pasukan kerahan tenaga ini. Sebenarnya, latihan ala tentera adalah program terbaik untuk membentuk disiplin. Ini kerana untuk mewujudkan remaja bermutu, perlu bermula dengan disiplin yang baik. Mereka juga perlu diberi input keagamaan berasaskan agama masing-masing bagi memudahkan mereka membezakan di antara yang baik dan buruk. Disebabkan negara kita aman, kita boleh meminta jasa anggota tentera kita menjadi jurulatih untuk melatih anggota kerahan tenaga. Kita juga mempunyai ramai tentera yang sudah pencen yang khidmat mereka masih diperlukan. Kita pasti mereka bersedia membantu untuk menjayakan program

ini. Kita juga mempunyai pasukan Rakan Muda yang boleh membantu melicinkan kegiatan ini sama ada dari segi pentadbiran atau latihan. Inilah kelebihan negara kita kerana kita tidak kekurangan sumber tenaga manusia untuk menjayakan sesuatu program. Program lain boleh diisi dengan sesi ilmu dan sivik yang turut membabitkan institusi pengajian tinggi, institusi berasaskan kemasyarakatan, persatuan dan sebagainya. Satu lagi program yang boleh diadakan ialah sesi kerjaya dengan pihak kerajaan dan swasta dijemput memberi penerangan mengenai peluang kerja di tempat masing-masing.

Hakikat yang perlu kita terima hari ini ialah masalah sosial rakyat sudah mencapai tahap yang memerlukan tindakan segera. Daripada masalah menghidu gam, dadah dan pil ecstasy hinggalah kepada kejadian pembuangan anak, adalah hasil kedudukan sosial kita yang pincang. Jika masalah ini tidak diatasi sekarang, mangsanya ialah anak dan cucu kita sendiri.

(END)